

Kelestarian Bandar sebagai Habitat Manusia

ABDUL HADI HARMAN SHAH, ABDUL SAMAD HADI, SHAHARUDIN IDRUS &
AHMAD FARIZ MOHAMED

ABSTRAK

Tumpuan perbincangan pembangunan lestari hari ini banyak mengarah kepada pelbagai perincian perlaksanaan suatu agenda yang dianggap telah diterima ramai. Apa yang disarankan di peringkat antarabangsa diterima dan terlaksana di peringkat lokal, adakalanya tanpa mengira konteks setempat. Seringkali nilai dan letakan prioriti mengandaikan bahawa persoalan di setiap bandar itu seragam, atau setidak tidaknya cenderung kepada perkara perkara yang sama dan ini merangka perkiraan dan pembiayaan awam. Terpenting ialah bagaimana setiap bandar itu menyumbang kepada masalah kelestarian dunia secara umum dan setiap bandar itu harus bertanggungjawab memastikan dunia secara keseluruhannya lestari. Hal sebegini, walaupun bermula dengan niat yang baik, berkemungkinan mengundang kontradiksi antara nilai dan sudut pandang dua skala yang berbeza. Kertas ini mewacanakan erti dan implikasi kelestarian bandar yang menjadi tumpuan pelbagai agenda pembangunan lestari di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Ia menghujahkan bagaimana definisi kelestarian yang dipilih mengalur cara bandar itu dirancang, diperkembang dan akhirnya dinilai. Kesemua ini memberi kesan langsung kepada kehidupan harian penduduk setempat dengan budaya dan masalah lokal yang seringkali berbeza dari budaya dan masalah yang ditanggapi di peringkat antarabangsa. Akhirnya makalah ini mem-persoalkan sama ada identiti dan kepentingan lokal yang seharusnya diutamakan oleh sesebuah bandar itu masih dapat dipertahan dalam menerima agenda global seperti pembangunan lestari ini.

Kata kunci: Kelestarian bandar, pembangunan lestari, habitat manusia, pertumbuhan ekonomi, pihak berkuasa tempatan

ABSTRACT

The current focus of discussion on sustainable development centres around the various implementations of an agenda that is assumed to be accepted by all. Various proposals at the international level are accepted and implemented by various agencies at the local level many times without taking the local context into consideration. The assumption of uniformity, or at least similarity of values and priorities of cities drive current public and funding concerns.

What is emphasized is the contribution of cities towards the problem and solution of global sustainable development. While the premise is based on good intentions, such an approach also invites contradictions between two different scales of values and viewpoints. The paper discusses the meanings and implications of the sustainable city, a central concern of the sustainable development agenda in Malaysia and internationally. It argues that the choice of definition for sustainability will influence the approach that a city is planned, expanded and evaluated. All impact directly upon the daily life of local residents with a culture and problems that are often different from those perceived at the international level. Finally the paper questions whether local identity and importance can still be defended in the increasing acceptance of a global agenda such as that of sustainable development.

Key words: *Urban sustainability, sustainable development, human habitat, economic growth, local authority*

PENGENALAN

Apabila ditanya tentang kelestarian bandar ia seakan-akan bertanya tentang kelestarian tamadun manusia itu sendiri dan ini merupakan sesuatu yang teramat sukar untuk dirongkaikan. Jalan termudah yang diambil pembicara bandar lestari atau *sustainable city* hari ini ialah dengan mempersempit perbincangan kepada kelestarian persekitaran fizikal bandar. Ini membawa kepada masalah mempercekap penggunaan sumber bandar, terutamanya tenaga.

Bandar itu sentiasa diperhati, diteliti dan dianalisis oleh mereka yang tinggal di dalamnya dan oleh mereka yang melihat dari jauh. Tamadun tidak dapat wujud tanpanya tetapi ia juga dipersoal, dicari kelemahannya dan cara-cara mengatasi pelbagai masalahnya. Apa yang dimaksudkan dengan bandar dan apa pula yang diharapkan darinya. Terdapat pelbagai jawapan untuk persoalan ini dan dalam mencari bandar lestari, soalan yang telah lama ada timbul kembali. Untuk kebanyakan penduduk bandar itu tempat tinggal. Tempat mencari rezeki dan tempat untuk berehat. Terdapat pelbagai perkiraan yang timbul apabila kita melihat kepada bandar untuk isu kelestarian. Apa yang lestari ialah kehidupan dalam bandar dan menjadikan bandar itu sebuah tempat dan halaman.

Bandar itu tempatnya pertumbuhan dan pembangunan. Ia paling dikaitkan dengan kepadatan penduduk yang tinggi, yang mana penduduk ini melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti bukan pertanian, pantas dan sentiasa resah. Sekiranya urbanisme itu suatu cara hidup, bandar

merangkumi cara hidup sedemikian, dan mengaitkan urbanisasi tadi dengan kawasan perdesaan di sekitarnya. Sepuluh tahun yang lalu terdapat lebih kurang dua bilion penduduk bandar. Menjelang 2050 dianggarkan enam bilion dari sembilan bilion penduduk dunia akan tinggal di bandar, dan sebilangan besarnya di bandar-bandar dunia ketiga (Bos et al.1994; United Nations 1993).

Bandar merupakan persekitaran unik dan persekitaran sebagai suatu kerangka sosial telah dikategorikan antara lainnya oleh Barry (1999) kepada empat kategori utama. Julatnya merangkumi konsep persekitaran liar, persekitaran asli, sekitaran desa dan taman yang telah terubahsuai langsung ke sekitaran bandar yang digubah manusia dan akhirnya sekitaran global yang kini terancam pelbagai bencana.

Persekutaran bandar, fokus langsung bandar-bandar lestari, merupakan ruang binaan yang mana modelnya tergambar lebih kurang dua ratus tahun dahulu dari bandar-bandar yang dikatakan dunia pertama hari ini. Pemisahan manusia dan alam semulajadi telah membawa pelbagai kesan, ada positif, ada negatif. Persekutaran bandar itu sekali gus dilihat sebagai tercemar dan moden, sesak namun mempertingkat tamadun, bahaya tetapi memberi peluang kepada masyarakat berilmu. Bandar, walau pun terdapat ramai yang cuba menyahpusatkannya, masih merupakan tumpuan mereka yang mencari pekerjaan dan mempertingkat diri. Walaupun pembangunan tidak lagi merupakan perkataan yang diberikan tumpuan dalam negara-negara maju, fenomena ini masih hidup di negara membangun dan bandar menyediakan wadah terbaik untuk peningkatan sedemikian.

MENCARI MAKNA KELESTARIAN BANDAR

Kajian bandar itu pelbagai sifatnya. Dari kajian-kajian lazim sains sosial, kemanusiaan, kejuruteraan, senibina dan perancangan, kepada kajian-kajian terkini multi dan transdisiplin yang merangkumi kajian ekosistem dan kelestarian bandar. Kajian-kajian terakhir ini menggunakan dan melanjutkan penelitian yang telah dilakukan sebelumnya.

Kerumitan sistem bandar menjadikan fokus terhadap persekitaran itu sukar. Sistem institusi yang berbeza membentuk pula pentas yang berbeza untuk pertumbuhan bandar. Ini disukarkan lagi oleh sistem nilai dan budaya yang berbeza, menjadi perbezaan asas pula untuk membentuk prioriti dan penilaian. Keperluan sosial tidak semestinya dapat diterjemah kepada permintaan pasaran yang lebih seiring dengan penawaran industri dan ekonomi. Terdapat juga keperluan untuk mengambilkira keperluan

psikologi penduduk disamping kepekaan kepada aset fizikal. Sistem bandar juga mengandungi persekitaran fizikal rapuh yang memerlukan proses pembandaran yang serasi dengan had tampungannya, aliran sumber dan pelbagai batasan yang ada. Kesemua ini kini sering diperhati pula dari sudut piawai global.

Kelestarian Bandar dalam Konteks Pembangunan Lestari

Ide di sebalik agenda pembangunan lestari, dipopularkan oleh Laporan Brundtland 1987 menekankan keperluan untuk pembangunan yang memenuhi keperluan generasi kini tanpa mencacatkan keupayaan generasi mendatang memenuhi perluan mereka sendiri. Objektif-objektif polisi nasional semenjak Rancangan Malaysia ke Enam telah memberi perhatian kepada aspek sumber semulajadi dan persekitaran, seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Dasar Alam Sekitar Negara (2002) menekankan empat komponen kelestarian, yakni ekonomi, sosial, persekitaran dan budaya.

Terdapat banyak isu kelestarian yang kini menjadi persoalan bandar. Ini termasuk;

1. Mendefinisi kepadatan penduduk optimum
2. Impak polisi makroekonomi
3. Kesampaian saksama kepada keperluan asas
4. Masalah sosial
5. Masalah persekitaran fizikal
6. Bencana persekitaran, dan
7. Pengurusan sampah sarap

Isu-isu kelestarian ini bukan sahaja terkait dengan kesan petumbuhan penduduk tetapi juga terkesan perubahan pasaran dan fungsi bandar. Penetapan saiz penduduk optimum yang dahulunya diperlukan untuk meramal permintaan untuk perkhidmatan awam bandar dan pasaran setempat kini perlu ditambah dengan kefahaman tentang penduduk transien dan pasaran global. Keupayaan tampungan persekitaran akan salah diramal sekiranya komponen-komponen ini diabaikan. Dahulunya komponen-komponen bebas-ruang atau *footloose* ini dianggap remeh, tetapi sejak lima sepuluh tahun kebelakangan ini memainkan peranan yang semakin penting.

Isu-isu kelestarian bandar perlu merangkumi impak polisi ekonomi makro yang tersedia untuk tujuan pengurangan ketidak adilan taburan harta, peminimuman mahupun pembasmian kemiskinan, dan penilaian semula kebergantungan ekonomi.

Memenuhi keperluan asas dan pembasmian masalah sosial telah lama menjadi sebahagian dari agenda sosial bandar. Pendidikan, kesihatan, kebersihan, sistem pengangkutan dan perumahan mampu milik merupakan di antara isu-isu khusus yang sentiasa tergambar di bandar.

Masalah persekitaran dan sosial juga sering terangkai dengan masalah keterpinggiran sosial, polarisasi atau keterasingan etnik, jenayah dan budaya songsang yang perlu dibicara seiring dengan pencemaran persekitaran, pertambahan pulau haba dan sterilisasi sumber. Bencana persekitaran seperti banjir kilat, bencana dari pembangunan tanah tinggi dan kesesuaian tapak struktur fizikal yang dibina juga kerap dibicara di bandar bersama pelbagai masalah pengurusan seperti masalah pelupusan sisa toksik dan pepejal.

Makna Global Kelestarian Bandar

Dari segi konsepnya, bandar lestari boleh ditanggap sebagai masih lagi berada dalam satu proses yang menghala ke arah pembentukan satu persekitaran binaan dengan keadaan ekonomi, sosial, politik dan persekitaran masyarakatnya berada dalam kesejahteraan. Oleh kerana bandar lestari itu merujuk kepada satu proses dan bukan satu bentuk entiti akhir maka kita dapat gambarkan bahawa setiap aspek kehidupan masyarakat tadi tidak semestinya berjalan tanpa masaalah. Dari segi ekonomi, misalnya, pertumbuhan ekonomi bandar itu boleh sahaja turun naik tetapi rata ratanya masyarakat bandar boleh meneruskan kegiatan ekonomi secara berterusan. Iklim sosialnya juga tidak semestinya tiada gejala menentang norma tempatan dalam bentuk pelbagai ‘counter culture’ tetapi secara umumnya penduduk bandar masih dapat menyerlahkan kekentalan nilai nilai terasnya yang boleh meneruskan wibawa masyarakat itu.

Bangsa-Bangsa Bersatu mendefinisikan bandar lestari sebegini;

Sebuah bandar lestari itu [...] ialah sebuah bandar di mana pencapaian dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal berkekalan. Bandar lestari itu mempunyai dana sumber asli yang berkekalan, di mana tergantungnya pembangunan (menggunakannya hanya pada tahap yang mampan). Sebuah bandar lestari itu memastikan keselamatan dari bencana perekitaran yang mungkin memberi kesan kepada pencapaian pembangunan (dengan hanya membenarkan risiko yang dapat diterima)

UN Habitat, UNHCS/UNHSP (Program Petempatan Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu)

Dalam mewacanakan isu kelestarian bandar, seluruh dunia telah memberikan pendapatnya tentang apa yang dimaksudkan dengan frasa tersebut, dan tentunya implikasi penyelidikan dan polisi yang terbit darinya. Sebuah pusat penelitian bandar, The Centre for Urban Research di Universiti Rutgers, Amerika Syarikat memberi penumpuan kepada empat tema utama kelestarian bandar;

1. Hubungan antara ekonomi dan persekitaran
2. Hubungan antara lokal dan global
3. Peranan bandar dan pembandaran
4. Proses politik, institusi dan kemungkinan pelaksanaan

(CURP 1998)

Pemahaman kita terhadap ‘bandar lestari’ itu menggarap dan menyesuaikan semula konsep ‘pembangunan lestari’ (*sustainable development*). Sejak kebelakangan pembangunan lestari mendasari hampir ke semua usaha pembangunan sosial dan ekonomi selepas persidangan alam sekitar sedunia di Rio de Janeiro, Brazil 1992. Sidang kemuncak bumi itu mengambil ketetapan untuk membawa masuk ke dalam perkiraan pertumbuhan ekonomi kesejahteraan alam sekitar supaya generasi kini dapat terus menikmati manfaat dari pembangunan yang dijalankan tetapi dengan penuh tanggung jawab supaya generasi mendatang akan juga tetap dapat menikmati manfaat dari pembangunan ketika itu. Ini menuntut satu ‘*trade-off*’ antara pertumbuhan ekonomi dengan penjagaan alam sekitar, khasnya yang berkaitan dengan eksloitasi sumber dan menjaga alam sekitar daripada kesan eksloitasi itu, untuk mendapatkan kesejahteraan hidup penduduk bandar dan negara. Pembangunan ekonomi mempunyai matalamat yang sehala, ia itu menjanakan setinggi mungkin pertumbuhan kekayaan menerusi pengeluaran serta penjualan barang dan perkhidmatan. Kegiatan pengeluaran itu menggunakan sebanyak mungkin sumber yang ada menerusi teknologi semasa yang tercanggih. Tetapi *trade-off* tadi menuntut pengawalan terhadap eksloitasi sumber, dan seterusnya boleh menentukan kadar pertumbuhan ekonomi agar bersesuaian dengan daya tampung kawasan sumber. Pertumbuhan ekonomi bersama penjagaan alam sekitar itu pada akhirnya adalah sebenarnya satu usaha untuk menjaga kesejahteraan persekitaran fizikal.

Bagaimanapun, bagi sesebuah bandar pertumbuhan ekonomi mengambil tempat dalam keadaan persekitaran yang sudah berubah, malahan sumber yang diperlukan sudah tidak boleh diperolehi lagi dari kawasan sumber bandar itu yang ada. Dengan itu kesejahteraan

penduduknya dibina daripada sumber yang dibawa dari kawasan pedalamannya dan dalam proses pengeluaran terkini sumber yang diperlukan boleh datang dari rangkaian kawasan sumber di merata tempat di dunia. Sesebuah bandar di mana mana adalah pusat longgokan kekayaan material. Kerana itu orang bertumpu ke bandar dan akan terus menumpu sebagai respon terhadap keistimewaan yang ada di bandar. Tanggapan umum tentang himpunan itu tidak jauh tersisih daripada kekuatan sebenarnya bandar sebagai pusat pengumpul kekayaan menerusi agglomerasi pengeluaran dan perkhidmatan, dan turut berlonggok dalam kawasannya institusi kesihatan, pendidikan, perniagaan, perkhidmatan dan rangkaian pelbagai lapis bandar itu dengan berbagai bagai saiz bandar dalam hierarki petempatan bandar dengan pelbagai lapisan pula kawasan sokongan di dunia. Tetapi sebagaimana yang ditekankan lebih awal, longgokan kekayaan dan segala kemudahan itu tidak semestinya menjamin kelestarian bandar. Ini timbul kerana kemasukan orang ramai untuk menetap di bandar tidak dapat ditapis oleh pengurus kawasan perbandaran. Pada bila bila masa akan terdapat kumpulan yang terus tercicir dari arus perdana pembangunan bandar.

Setakat melihat pertumbuhan ekonomi bersama penjagaan persekitaran dan sumber, tumpuan masih lagi melihat perkaitan antara pertumbuhan ekonomi dengan penjagaan alam sekitar asli. Sebagaimana yang sudah dihujahkan lebih awal persekitaran bandar terdiri daripada persekitaran binaan dengan warga penghuninya. Maka penduduk dengan budaya serta kegiatan sosial harian mereka menjadi lebih penting dalam hubungkaitan tersebut, sekurang kurangnya daripada sudut kepentingan masyarakat itu. Dalam kaitan antara pertumbuhan ekonomi dengan persekitaran binaan, kelestarian yang dicari adalah kelestarian pembangunan sosial serta ekonomi dengan matlamat umum untuk membina kesejahteraan masyarakat. Bukan sahaja persekitaran binaan itu sepatutnya menyediakan ambien yang selesa kepada warga bandar tetapi kegiatan ekonomi juga sepatutnya dapat menyumbang secara berterusan kepada pembangunan sosio-ekonomi penduduk, iaitu taraf kesejahteraan hidup. Kualiti hidup penduduk bandar pun turut meningkat mutunya. Proses meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar dan negara ini seharusnya berjalan secara berterusan bagi menjamin keadilan sosial di setiap lapisan penduduk bandar itu. Dalam konteks ini pembangunan bandar lestari itu lebih merujuk kepada pembangunan kesejahteraan sosial yang berterusan. Sebahagian daripada usaha membina keadaan yang sejahtera dalam bandar itu sudah dapat dilihat pada perancangan bandar ‘utopia’, dari segi fizikal ,sosial dan budaya.

MEMPERINCI KELESTARIAN – KESELESAAN DAN DAYAHUNI BANDAR

Terdapat pelbagai tujuan untuk hidup di bandar. Untuk penduduk setempat tentunya meneruskan kehidupan yang baik dan selesa merupakan tujuan utama. Pengalaman harian hidup dan bekerja di bandar membentuk penunjuk keselesaan sesebuah bandar itu. Pernah suatu masa dahulu kehidupan selesa di bandar sekadar makna kelangsungan kehidupan. Bandar-bandar perindustrian kurun ke 18 Eropah merupakan wadah penyakit dan wabak. Ketiadaan sistem sanitasi, ketidakfahaman tentang perubatan dan penyakit, juga penekanan terhadap penambahan modal, di atas pentas persekitaran padat di mana sains hanya mula memahami kesan manusia ke atas sekitarannya, semua membawa kepada masa hadapan yang muram. Kesemua bandar ini, London, Paris dan yang serupa dengannya masih wujud hingga ke hari ini. Lestari? Ia dapat bertahan tetapi dengan kos nyawa yang tidak terkira.

Untuk sekian lama, kehidupan di bandar amat tidak selesa. Dari Dickens dan Blake antara lainnya gambaran masa silam ini diingati. Konsep kelestarian bandar hari ini membawa makna yang jauh lebih besar dari sekadar penerusan hidup, dan tidak lagi dengan kos masa dahulu. Walau pun kelestarian masih dikaitkan pertumbuhan bandar, penduduk bandar mula melihatnya sebagai suatu matlamat pribadi. Kelestarian mula dilihat dari sudut keselesaan bandar kembali, walau pun dibentuk semula harapan masa depannya.

Terdapat banyak ide tentang apa yang membawa kepada keselesaan bandar. Keselesaan dilihat sebagai pertumbuhan adil. Ia merupakan pasaran dengan tanggungjawab sosial dan govenan yang dapat mengimbang antara pelbagai matlamat sesebuah masyarakat. Pertumbuhan ekonomi yang lestari dengan agihan semula serta pembangunan sosio-ekonomi beretika merupakan antara penggerak bandar selesa. Bandar selesa mempunyai ekologi sosial dan penggunaan sumber yang bertanggungjawab, menggembeling tanggungjawab sosial korporat di tengah-tengah industrialisasi yang pantas. Merancang bandar sebegini akan memerlukan pengimbangan perkiraan ekonomi, sosial, budaya, dan sekitaran budaya dan semula jadi yang membawa kepada governan dengan tanggungjawab terkongsi.

Kesejahteraan Persekutaran

Kesejahteraan persekitaran itu hasil fenomena dan penggerak. Kefahaman tentang kesejahteraan persekitaran memerlukan kefahaman tentang

persekitaran bandar, kesediaan ruang, polisi dan inisiatif persekitaran. Persekutuan budaya dan fizikal kini dinilai bersama dalam menentukan status semasa perubahan persekitaran bandar. Ini termasuk komponen-komponen persekitaran; hidrologi, biologi, atmosfera dan litosfera, dan masalah pencemaran ke atas mana-mana komponen. Keselesaan persekitaran bandar juga dinilai berasaskan usaha membentuk semula sekitaran semulajadi dalam lanskap bandar.

Namun kesejahteraan persekitaran bandar bukan sahaja tentang mengekalkan persekitaran tetapi ia juga bersabit menggerakkan pembangunan dengan kadar yang wajar. Kesediaan bandar mengenalpasti peratusan tanah yang dapat digunakan untuk pembangunan masa depan juga merupakan penunjuk keluasan kawasan yang kemudiannya akan dikira sebagai terlalu sensitif kepada pembangunan fizikal.

Selain dari fenomena persekitaran, polisi dan garispanduan pembangunan juga penting untuk menentukan keselesaan dan kelestarian bandar. Usaha konservasi, polisi dan implementasinya termasuk tindakan yang diambil ke atas mereka yang menyalahi peraturan kesemuanya merupakan penggerak kepada kelestarian kesejahteraan persekitaran.

Contoh Pengalaman Keselesaan Hidup – Trafik di Bandar

Tidak ada penunjuk keselesaan hidup yang dilebih dialami dari pengalaman trafik di bandar. Trafik merupakan ujuan ketahanan, kesabaran, toleransi dan pengendalian ruang yang menjadi penunjuk sama ada bandar itu selesa untuk didiami atau tidak. Mudahnya pergerakan dalaman dan antara bandar amat mempengaruhi persepsi penerimaan bandar oleh penduduknya. Tentunya untuk memahami trafik dengan lebih jauh akan memerlukan pengamatan melampaui kesesakan trafik kepada penyebabnya. Ini akan melibatkan taburan reruang gunatanah bandar dan cara hidup warganya.

PENUNJUK-PENUNJUK GLOBAL KELESTARIAN BANDAR

Terdapat pelbagai prinsip yang dicadangkan untuk kelestarian bandar. Ini sebahagiannya kerana terdapat pelbagai sudut bandar yang perlu diambilkira apabila melihat bandar secara keseluruhan. Integrasi manusia dan persekitaran merupakan tema utama yang dapat diperinci untuk mewakili persekitaran budaya dan fizikal. Sebahagian dari persoalan budaya perlu mengambilkira kesampaian kepada keperluan asas dan kesejahteraan komuniti, disamping pengekalan identiti setempat dan

kepekaan terhadap golongan-golongan khusus. Persekutaran fizikal tertumpu kepada kedua-dua sekitaran semulajadi dan binaan, pengekalan warisan bandar dan daya tampung alam sekitar. Elemen-elemen ini selalunya terikat dalam konteks kekentalan budaya, persekitaran dan ekonomi yang memanfaatkan kepelbagaian dan keseimbangan dalam setiap sub kategori bandar.

Menjejak kelestarian bandar itu sukar disebabkan oleh sifat bandar yang sentiasa berubah dan saling terhubungkait. Hubungan antara sebab and musabab sekali pun sukar untuk dibuktikan. Penunjuk-penunjuk pembangunan dan kelestarian amat sektor al sifatnya dan kebanyakannya tertumpu kepada penunjuk ekonomi. Ciri-ciri fizikal dan nyata masih merupakan asas utama sistem ukuran semasa dalam menilai kelestarian sementara metod membentuk kuantiti untuk fenomena yang tidak ada kuantitinya masih jauh dalam proses menjelak pembangunan. Metod-metod ini menjadi lebih sukar dengan ketiadaan definisi kendalian untuk pembangunan lestari.

Terdapat beberapa faktor yang dilihat sebagai penentu kelestarian bandar. Tanda-tanda kelestarian dapat diketemui pada bentuk bandar, kepelbagaian gunatanah dan ciri-ciri demografinya. Bentuk bandar sering dianalisis dari sudut imej dan identiti sesebuah bandar. Kepelbagaian gunatanah dan rangkaian pula dilihat dari sudut fungsinya sementara penduduk pula asas pembentukan komuniti.

MENCARI MAKNA KELESTARIAN BANDAR SETEMPAT

Usaha ke arah mencapai kelestarian memerlukan pendekatan pelbagai objektif yang melibatkan ubahsuaian dan peningkatan. Terdapat keperluan untuk penyesuaian ekonomi untuk mengambilkira persaingan dan mendorong peningkatan ekuiti serta aktiviti-aktiviti bukan kewangan. Terdapat keperluan untuk peningkatan sosial untuk governan dan pemerkasaan komuniti yang lebih efektif, dan institusi yang lebih baik untuk memastikan pengurusan, koordinasi dan pelaburan yg lebih cekap. Peningkatan budaya juga dicari untuk memastikan lebih kebijakan dengan penggunaan bahan yang kurang. Teknologi dilihat sebagai pemudahcara yang membenarkan inovasi dan usaha terbaik untuk mencapai penggunaan persekitaran yang cekap. Keprihatinan terhadap peningkatan kecekapan kegunaan tenaga dan bahan, pengurangan luahan sisa, pengurangan risiko dan peningkatan umum kualiti persekitaran semuanya merupakan sebahagian dari definasi bandar lestari.

Keunikan Proses Pembandaran Setempat

Proses urbanisasi di Malaysia merupakan suatu proses perubahan penduduk, petempatan dan cara hidup. Migrasi dan pertumbuhan semula jadi, penambahan kawasan bandar dan kecenderungan pemusatan peningkatan aktiviti ekonomi kesemuanya menyumbang kepada proses ini. Ia merupakan sebahagian pandangan bahawa peningkatan hidup itu terkait dengan ruang bandar.

Tren pembangunan terkini bandar-bandar di Malaysia membawa beberapa cabaran dalam usaha ke arah kelestarian. Impak pertumbuhan penduduk ke atas persekitaran, terutamanya menerusi pertambahan aktiviti manusia dalam penggunaan sumber dan industrialisasi perlu diberi perhatian serius memandangkan kadar pertumbuhan dan keupayaan bandar untuk menampungnya. Kualiti persekitaran dan kualiti hidup merupakan elemen utama kelestarian penduduk dan harus dibaca berserta pengurangan masalah sosial, termasuk keterpinggiran sosial. Persekitaran yang sihat bukan sahaja menggambarkan persekitaran yang bebas dari penyakit berbahaya, ia juga melibatkan pengekalan warisan yang unik dan berpelbagai. Saling-bergantungan antara faktor-faktor sosial, budaya, ekonomi, biologi dan fizikal meruapkan sebahagian dari cabaran yang dihadapi bandar-bandar Malaysia, juga bandar-bandar di seluruh dunia.

Terdapat empat dimensi kehidupan bandar yang perlu diambil kira untuk menilai kejayaan dan keselesaan bandar-bandar di Malaysia. Kesejahteraan komuniti dan individu, kesejahteraan persekitaran bandar, kesejahteraan sosio-ekonomi dan sistem governans yang lestari.

Kesejahteraan komuniti dan individu bandar dapat dikaitkan dengan kualiti hidup dan mata pencarian, mempunyai kerja tetap dengan pendapatan lumayan. Ini juga termasuk pengumpulan harta dan keupayaan mengharungi bandar dengan ketiadaan kerisauan tentang kemiskinan.

Kesihatan merupakan komponen utama kesejahteraan dan matlamat sistem sokongan komuniti. Kesediaan perkhidmatan kesihatan dan status sistem kesihatan merupakan perkara-perkara yang perlu dititikberatkan. Ini termasuk tahap pengetahuan, maklumat dan teknologi perubatan di samping bilangan sebenar doktor perubatan yang ada. Isu-isu kesihatan lain termasuk kesampaian kepada kemudahan-kemudahan kesihatan, termasuk bilangan dan taburan hospital, klinik serta keupayaan membayar untuk kemudahan-kemudahan tersebut. Kesihatan juga melibatkan persoalan kemudahterancaman dan kekentalan kepada pelbagai penyakit, termasuk masalah kebuluran dan kekurangan makanan.

Satu lagi pertimbangan penting bersabit peluang pendidikan dan pekerjaan. Ini merupakan perkiraan penting untuk pembangunan diri dan kelangsungan hidup. Kesediaan dan kualiti perkhidmatan pendidikan sering dinilai berserta tahap pencapaian umum pendidikan, kadar gugur sekolah dan kadar celikhuruf.

Penunjuk-penunjuk Kelestarian Bandar Setempat

Sebuah bandar yang lestari itu membawa beberapa makna. Ia harus dapat menyediakan kehidupan yang sempurna dan selesa untuk penduduk setempat dan pada masa yang sama menjaringkan penduduk setempat dengan kawasan yang lebih luas, daerah dan wilayah yang melingkunginya. Ia harus juga terhubung dengan ekonomi negara, malahan perubahan global. Kedua-dua konsep ini, kelestarian tempat dan kelestarian rangkaian perlu sekiranya potensi pembangunan diinginkan untuk generasi hari ini dan generasi mendatang. Jika tidak bandar kecil itu sama ada akan berubah menjadi ruang singgahan antara tempat tempat yang lebih *established*, dikunjungi sambil lalu atau ketika balik kampung; atau ia menjadi tersisih dan ditinggalkan langsung.

Konsep bandar lestari yang diperjelaskan di atas menuntut kepada satu set penunjuk (indices) yang berupaya membantu para pentadir dan perancang bandar merancang pembangunan bandar dengan lebih terarah dan tersusun untuk kesejahteraan penduduk. Penunjuk adalah ukuran bagi memberi nilai kuantitatif terhadap maklumat berkaitan dengan persekitaran bandar. Ini dibangunkan agar maklumat memberikan kesannya dengan lebih jelas. Kemudian kita akan boleh mengikuti kemajuan tentang sesuatu aspek persekitaran itu ke arah satu tahap yang lebih baik untuk penduduk. Di LESTARI, Universiti Kebangsaan Malaysia usaha membangunkan penunjuk sedemikian sudah berjalan bagi satu jangka waktu yang lama dan masih diteruskan bagi membangunkan penunjuk penunjuk yang lebih baik (Sham Sani 2001; Peterson et al. 1999). Perlu dijelaskan sekali lagi di sini bahawa bandar lestari merupakan satu proses yang berlangsung secara terus-terusan. Bandar lestari bukanlah merupakan produk terakhir dalam sejarah perjalanan bandar itu sendiri. Perbandaran yang bermula dari satu bentuk petempatan yang kecil berkembang melalui pertambahan bilangan penduduk dan perluasan kawasannya, akhirnya membentuk suatu kawasan yang lebih besar dan memiliki ciri ciri yang berbeza dengan kawasan sebelumnya. Proses perbandaran yang memakan masa yang lama itu mengharapkan agar penghuni yang mendiami ruang bandar itu akan berupaya untuk tinggal

dengan selesa dan sejahtera melalui perolehan dan pengagihan kekayaan yang saksama di antara penghuni yang menghuni kawasan tersebut. Justeru, kesejahteraan itu akan dapat dijelmakan dan dinilai melalui beberapa entiti antaranya ialah persekitaran, ekonomi, sosio-budaya, ruang, dan governan.

Gugusan entiti persekitaran misalnya boleh dilihat menerusi faktor-faktor fizikal alam sekitar yang wujud dalam bandar tersebut untuk disedia dan dinilai. Sebagai contohnya ialah kualiti air, udara, bunyi, dan sebagainya yang terdapat dalam lingkungan yang dikenali sebagai bandar tadi. Ukuran ini dibuat berdasarkan kepada indeks kualiti air misalnya yang disandarkan kepada indeks kualiti air pada yang diperersetuju pada peringkat sedunia. Sama juga halnya dengan indeks kualiti udara dan bunyi menggunakan indeks yang piawai digunakan seluruh dunia. Sehubungan itu, indeks kualiti air disukat di stesen yang terletak di dalam kawasan perbandaran tersebut. Berdasarkan kepada indeks yang diperolehi ini akan dapat menterjemahkan kadar kelestarian bandar tersebut daripada aspek alam sekitar bandar tersebut. Namun begitu, beberapa persoalan yang mungkin akan menghambat pihak penilai ialah perkara yang berkait dengan persempadanan bandar itu sendiri. Hujah yang dikemukakan ialah kadar kualiti air atau udara yang tercemar tersebut bukan disebabkan oleh punca-punca dalam persekitaran bandar itu sendiri tetapi disebabkan oleh faktor-faktor guna tanah di luar kawasan perbandaran tersebut. Tetapi air sungai tersebut mengalir melalui stesen yang diletakkan di dalam kawasan perbandaran. Begitu juga halnya dengan kualiti udara yang disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran yang berada di luar dari kawasan perbandaran tersebut (*transboundary pollutants*). Hal-hal sebegini sedikit sebanyak menyukarkan pihak penilai untuk membuat rumusan secara menyeluruh tentang tahap kebersihan bandar secara keseluruhannya.

Dalam gugusan entiti ekonomi misalnya pula, aspek yang ditekankan ialah tentang keupayaan bandar itu sendiri menjadi pertumbuhan ekonomi yang mampu membangunkan bandar tersebut secara keseluruhan. Aspek ini amatlah penting memandangkan bahawa melalui pertumbuhan ekonomi bandar yang dijana sendiri akan dapat menentukan kelestarian bandar tersebut untuk satu tempoh jangka masa akan datang. Data yang diperolehi setakat ini, misalnya pihak berkuasa tempatan di Selangor bagi tahun 2000 dan 2001 menunjukkan bahawa hampir kesemua pihak berkuasa tempatan (kecuali Majlis Perbandaran Selayang dalam tahun 2001) mengalami defisit perbelanjaan dalam menguruskan bandar masing-masing (Selangor 2003). Keadaan ini jelas menggambarkan bahawa kekuatan

ekonomi perlu dijana sendiri oleh pihak berkuasa tempatan jika sekiranya kelestarian bandar tersebut ingin dikekalkan. Indikator yang boleh dilihat dalam hal ini ialah lebihan atau kekurangan pendapatan bandar itu sendiri.

Penunjuk penunjuk dalam gugusan sosio-budaya pula merupakan aspek yang begitu merumitkan untuk dinilai tahap kelestariannya. Darjah-darjah kekentalan budaya misalnya harus diukur untuk menilai tahap kekentalan budaya yang wujud di bandar-bandar tersebut. Di samping itu juga, aspek sosio-budaya lain misalnya ialah kadar kejadian jenayah yang berlaku di dalam bandar untuk tempoh masa yang tertentu akan memberikan gambaran tentang keadaan sosial bandar tersebut sebelum rumusan dapat dibuat mengenai kesejahteraan bandar tersebut. Hal ini perlu diambilkira dalam menentukan kelestarian bandar kerana keadaan infrastruktur bandar yang lengkap tidak bermakna kepada penduduknya jika kadar kejadian jenayah, pecah rumah, rogol, bunuh dan sebagainya berada dalam kadar yang tinggi. Demikian juga halnya jika penduduk bandar tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan penduduk misalnya yang berkait dengan kesejahteraan penduduk bandar. Hal-hal penyakit seperti demam denggi dan demam denggi berdarah begitu sinonim dengan kawasan bandar. Jika kadar penyakit tersebut adalah tinggi, maka kadar kebimbangan masyarakat bandar juga akan meningkat dan akhirnya kegusaran itu menghantui kehidupan sehari-hari penduduknya yang terpaksa berbelanja lebih untuk menampung kos rawatan pemeriksaan dan seumpamanya. Dalam hal ini juga, kejadian-kejadian bencana persekitaran bandar (*environmental hazards*) seperti banjir kilat, banjir lumpur, tanah jerlus dan sebagainya turut menyumbang kepada keadan yang menggusarkan kehidupan masyarakat di bandar tersebut.

Daya tarikan bandar tidak terelak oleh pendatang-pendatang sama ada penduduk tempatan maupun warga asing yang masuk ke bandar untuk mencari rezeki. Bandar yang bertindak sebagai penjana pembangunan seperti yang dibayangkan oleh Alonso (1966), Friedman dan Robert Wulff (1986) dan Reissman (1964), iaitu bandar dapat menjadi agen perubahan masyarakat dengan lebih mudah; di samping bandar bertindak sebagai pusat penyebaran idea pembangunan, penularan inovasi, dan penyampaian teknologi maklumat dan komunikasi yang berguna di samping bandar bertindak sebagai keadaan dan kawasan yang paling sesuai untuk perkembangan ekonomi moden menjadi magnet yang cukup hebat mengundang para migaran dari semua pelosok. Kehadiran mereka juga membawa sekali bersama-sama mereka tabiat dan budaya asal mereka untuk disesuaikan di bandar baru mereka menghuni. Keadaan ini

akan menyebabkan berlakunya pertentangan budaya dari pelbagai tempat yang memungkinkan menimbulkan ketidaksefahaman antara mereka. Peningkatan kadar kejadian jenayah yang dikaitkan dengan golongan migran ini cukup untuk menjelaskan bahawa pertentangan budaya ini mempengaruhi dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Dari segi ruang pula, kedapatan penduduk yang mendiami sesebuah kawasan perbandaran sedikit sebanyak menimbulkan pelbagai kesan negatif yang akhirnya menimpa komuniti bandar itu sendiri. Penduduk yang terlalu ramai mendiami sesebuah kawasan perbandaran itu akan menyebabkan mereka terpaksa bersaing untuk mendapatkan perkhidmatan klinik, sekolah, ruang pejabat dan kesemua ini menimbulkan ketidakselesaan kepada penghuni bandar tersebut. Jika keadaan ini berterusan melalui pertumbuhan penduduk yang tinggi dan kedatangan para migran akan menambah sulitkan lagi peranan yang boleh dimainkan oleh pihak pentadbir bandar dalam memberikan perkhidmatan bandar yang terbaik misalnya pelupusan sampah sarap, bekalan air, loji kumbahan dan seumpamanya.

Melestarikan Toleransi Dalam Bandar

Toleransi antara etnik merupakan komponen penting dalam meneruskan keharmonian di Malaysia. Sejarah keterasingan etnik yang panjang kini mempamirkan tanda-tanda pemulihan, walau pun ada hubungkait yang masih getir. Di kawasan luar bandar di mana terdapat lebih ruang antara kumpulan etnik yang berbeza, toleransi terbahagi kepada dua bentuk, adaptasi dan mengasingkan diri. Di kawasan bandar di mana jarak itu suatu kemewahan dan tidak terdapat suatu budaya dominan untuk diadaptasi, toleransi mengambil bentuk penghasilan budaya-budaya baru yang sebahagiannya merupakan campuran budaya tradisional. Perebutan identiti dan negosiasi tempat merupakan fenomena harian di setiap peringkat masyarakat. Pertembungan dan negosiasi nyata dalam persekitaran ketidakadilan sosial, walau pun terdapat usaha pemerintah yang telah cuba memperbaikinya sejak 1971.

Merancang Kelestarian Bandar

Terdapat beberapa pendekatan berbeza apabila merancang kelestarian bandar. Pendekatan utama terbit dari sudut rekabentuk bandar. Meminjam Lynch (1960) identiti sesebuah tempat itu lahir dari keupayaannya untuk mempamirkan sesuatu imej, atau watak, *imageability*, tempat. Alexander

(1963) pula membicarakan rangkaian yang tidak bersifat hirarki sementara Trancik menimbulkan persoalan ruang-ruang hilang di bandar. Jacobs (1960) pula menumpukan perbincangan kepada interaksi antara penduduk dan apabila melihat kesemua ini, bentuk bandar dilihat sebagai sesuatu yang dapat menentukan kelestarian bandar. Teori, idea dan konsepsi bandar lestari ini kesemuanya membawa soalan-soalan lanjutan tersendiri seperti apakah kandungan, rangkaian dan kemungkinan bentuk untuk bandar-bandar lestari ini.

Perancangan kepadatan bandar merupakan salah satu ciri yang sering dikaitkan dengan penentuan bandar lestari. Andaian kecekapan sumber dan tenaga merupakan antara hujah kenapa bandar padat dilhat sebagai mempunyai kebarangkaian yang tinggi untuk kelestarian. Walau bagaimana pun kepadatan bercanggah pula dengan beberapa idea utama kelestarian seperti desentralisasi, kualiti hidup desa, bandar taman dan pembangunan luar bandar.

Kelestarian persekitaran juga dapat dilihat dari aspek kesediaan untuk perubahan. Dirangkum juga dalam aspek ini infrastruktur awam dari tapak pelupusan sampah hingga ke perpustakaan awam dan tempat-tempat rekreasi.

Bagaimana pula harus kelestarian itu diselia-tadbir? Bentuk governan autoritarian atas ke bawah kini perlu diimbang dengan inisiatif governan peringkat akar umbi yang lebih berbentuk bawah ke atas. Pendekatan Agenda 21 dalam pembangunan lestari memberi implikasi kepentingan suara, tindakan dan tanggungjawab oleh masyarakat secara lansung dalam mod perkongsian kuasa di mana perlu.

Governan memainkan peranan asas bagi mendapatkan suasana yang baik untuk kesejahteraan warga bandar dan mereka yang dijangka akan terus datang untuk mendapatkan perkhidmatan serta barang dan kemudahan di bandar. Secara mudah governan harus merangkumi institusi, proses dan tata cara yang menentukan bagaimana kuasa digunakan, keputusan diambil dan bagaimana orang ramai boleh menyumbang pandangan mereka terhadap bandarnya. Apabila kita melihat dari sudut umum ini, kita perlukan perkara perkara berikut dalam governan termasuk penglibatan orang ramai, keterbukaan pemerintah terhadap penglibatan mereka, penjurusan governan supaya berkesan, penyusunan perkhidmatan awam agar lebih terbuka dan mantap, dan galakan bagi kemunculan kegiatan sukarela dari badan bukan kerajaan. Maka governan dalam konteks ini meliputi cakupan lebih luas daripada kegiatan dan hubungan kuasa dalam pentadbiran kerajaan kempatan. Justeru, pengendalian kuasa di pelbagai peringkat di sesuatu bandar harus berkesan, telus, boleh

dipercayai dan diterima oleh orang ramai serta terbuka untuk tatapan semua pihak. Dalam masa yang sama semua lapisan warga bandar juga perlu memberikan kerjasama secara sukarela, pantas mengambil bahagian dalam kegiatan warga bandar. Mereka ini boleh bersama-sama pihak berkuasa membangun, memantap dan menjaga penerusan usaha membina keadaan yang selesa untuk semua pihak.

Penyediaan keadaan yang dikemukakan lebih awal sepatutnya telah mendapat persetujuan warga luas bandar, agar apa sahaja usaha yang digerakkan akan membawa hasil yang bermanfaat bagi semua pihak. Penglibatan pelbagai pihak berkepentingan (*multiple stakeholders*) dalam semua kegiatan pembinaan persekitaran yang lestari pada akhirnya memberi jaminan untuk kesejahteraan hidup semua warga bandar.

PENUTUP

Melestarikan bandar itu memerlukan kelestarian bukan sahaja persekitaran bandarnya tetapi juga suatu cara hidup yang berasaskan perubahan dan kreativiti. Bandar itu bukan tempatnya si Pitak bermain. Ia bukannya suatu tempat yang teratur kaku menurut perancangan yang dibuat untuknya. Ia tempat peralihan nilai dan pandang dunia.

Sebuah bandar lestari membawa beberapa makna. Ia dijangka menyediakan kehidupan selesa untuk warganya, dan pada masa yang masa menghubungkan mereka dengan wilayah yang lebih luas, juga kepada dunia lingkungannya. Bandar sebegini diharapkan dapat menjalinkan sumber pendapatan mereka dengan ekonomi negara, malahan ekonomi global. Ide kelestarian tempat itu terkait ide bandar sebagai tempat yang selamat dan selesa untuk warganya sementara konsep kelestarian rangkaian pula menyediakan agenda untuk keperluan pembangunan yang melangsungkan kehidupan generasi hari ini dan esok. Jika tidak sedemikian bandar itu akan berubah menjadi tempat terpinggir, ditinggalkan dan tidak lagi menjadi fokus pembangunan lestari.

Meramal apa yang akan terjadi kepada sesebuah bandar di masa hadapan itu merupakan suatu yang sukar. Semua bandar dengan pelbagai masalahnya lestari semenjak adanya tamadun, dan ramai nujum yang melihat kepada peningkatan bandar-bandar mega, dan bukannya pengurangan fenomena sedemikian.

Apa yang perlu untuk memastikan kelestarian bandar bukannya faktor-faktor yang cuba mengekalkan seperti adanya. Itu tidak wajar. Cubaan

untuk memuseumifikasi bandar, walaupun untuk pengekalan sejarah, tidak mengambilkira keperluan bandar untuk berubah. Perubahan ini walau bagaimanapun perlu seiring dengan keperluan lokal untuk memastikan evolusi tempat yang sesuai dan licin.

Berpeleseran di bandar, berjalan ke kedai runcit, berehat di rumah, dan bergerak di daerah komersil, kesemua ini pengalaman lazim bandar. Betapa mudah dan selesanya menghadapi setiap hari, itu yang menjadikan bandar itu ruang kehidupan. Kelestarian bandar itu tersabit kelestarian suatu cara hidup yang bertanggungjawab, cara yang membolehkan generasi mendatang terasa mudah dan selesa dalam persekitaran bandar mereka, seperti mana hari ini. Bandar itu merupakan ruang kehidupan hari esok, seperti ianya hari ini, malahan mungkin lebih baik dari hari ini. Keadaan kesihatan, kesampaian, struktur sosial dan persekitaran semulajadi dan binaan kesemuanya diharapkan dalam keadaan yang lebih baik dari hari ini. Terdapat beberapa idea bagaimana ini dapat dicapai. Teknologi yang lebih baik merupakan sebahagian dari jawapannya. Teknologi bersih dan rekabentuk hijau kini merubah persekitaran bandar, menjadikannya lebih selesa untuk didiami dari dahulu, kemajuan yang terasa semenjak penemuan kuasa elektrik. Namun ia masih tidak mencukupi. Perubahan gaya hidup dan prioriti dalam pembangunan merupakan kemajuan yang lebih sukar tetapi perlu untuk suatu masa hadapan yang lebih lestari.

Sebagai satu petempatan dalam mana penduduk dengan persoalan sosial, budaya, ekonomi dan politik dalam satu kelompok dengan persekitaran fizikal dan persekitaran binaan dalam satu kelompok lagi berinteraksi secara rapi, dan dapat menyerlahkan pelbagai harapan kepada masyarakat bandar itu sendiri dan masyarakat besar negara bangsa. Binaan binaan besar dengan senibina pasca moden, seperti Kuala Lumpur *City Centre* di Kuala Lumpur, bank bank dan gedung membeli belah besar menjadi lambang dan boleh menawarkan pelbagai peluang kepada sesiapa yang mempunyai kekuatan pengetahuan dan kemahiran untuk membangunkan diri. Malah bandar menjadi medan untuk membina kemajuan tamadun sesuatu bangsa. Ibnu Khaldun menegaskan bahawa tamaddun bangsa bermula dan berkembang di petempatan bandar. Konsep masyarakat madani (*civil society*) menonjolkan ciri ciri ketamadunan berteraskan idealisme bandar. Tetapi ahli masyarakat tanpa kemahiran dan kurang pengetahuan boleh menjadi mangsa dan kecewa apabila gagal menawarkan peluang peluang yang ada. Dengan itu bandar juga boleh menjadi lambang penyerlahan punca kekecewaan. Oleh sebab ke dua-dua peluang dan kekecewaan berada dalam satu kawasan bandar maka dapat lihat

dualiti kehidupan dalam bandar, saling menarik masuk kepada kumpulan masing masing.

Dualiti keadaan yang dilambangkan oleh realiti kehidupan di bandar menuntut pemahaman yang terjurus, agar bandar boleh dirancang sebagai petempatan yang boleh memenuhi harapan semua warga bandar. Bandar menjadi tempat himpunan pelbagai lapisan pendidikan dan sumber ilmu pengetahuan, menyediakan pelbagai lapisan pekerjaan dan perumahan, menjadi wadah untuk interaksi antara penduduk dalam bandar itu sendiri dan dengan penduduk luaran sehingga ke peringkat global. Ia juga lambang untuk mencerminkan jati diri dan kekuatan negara.

RUJUKAN

- Alonso, W. 1966. *Cities, planners, and urban renewal*. Wilson, J.Q. (ed.). *Urban renewal: The record and the controversy*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Castell, M. 1997. *The power of identity*. Oxford: Blackwell Publishers Limited.
- Dirlik, Arif. 1998. Globalism and the politics of place. *Development* 41(2).
- Ebenezer, H. 1898. *Tomorrow, a path towards social reform*. London.
- Fishman, R. 1982. *Urban utopias in the Twentieth Century*. Cambridge, Massachusetts: MIT Press.
- Friedman, F. & Wulff, R. 1986. *Perubahan bandar: Kajian perbandingan masyarakat perindustrian yang baru*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goodman & Goodman. 1960. *Communitas*. Vintage Books: New York Harper Perennial, 1994.
- Harvey, D. 2000. *Spaces of hope*. Berkeley: University of California Press.
- Jencks, C. 1990. *Post modernism on trial, architectural design*. New York: St. Martin Press.
- Langdon, P. 1994. *A better place to live - Reshaping the American suburb*. Boston: University of Massachusetts Press.
- Peterson P.J., Sham Sani & Mohd. Nordin Hasan. 1999. *Indicators of sustainable development in industrialising countries; Vol. 3: Key indicators for tropical cities*. Bangi: LESTARI, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reissman, L. 1964. *The urban process: Cities in industrial society*. New York: The Free Press of Glencoe.
- Ralph, E. 1976. *Place and placelessness*. London: Pion Press.
- Selangor. 2003. Laporan pemeriksaan rancangan struktur Negeri Selangor (2002-2020). Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung.
- Sham Sani. 2001. *Developing urban sustainability indicators for Malaysia*. LESTARI Public Lecture No. 3, Bangi: LESTARI, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stein, M. 1960. *The eclipse of community*. Princeton: Princeton University Press.
- Tuan, Yi-fu. 1996. *Cosmos and hearth*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Wilson et al. 1979. *Comprehensive planning and the environment*. Cambridge: Art Books.

Abdul Hadi Harman Shah

Profesor Madya

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: aharmans@ukm.my

Abdul Samad Hadi, Ph.D.

Profesor Emeritus & Felo Utama

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: asamad@ukm.my

Shaharudin Idrus, M. Env. Mgmt.

Pensyarah Kanan

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Ahmad Fariz Mohamed, Ph.D.

Profesor Madya

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: fariz@ukm.my